

SV
SUARA SARAWAK
Bukan Sekadar Akhbar
+ 98434622/019 859822

• Tel: 082-647375/ 649527
• Faks: 082-647374
• e-mel: news@suarasarawak.my
• **Laman sesawang:**
www.suarasarawak.my

• Lot 14096 (Bl. 12) Section 66, Kuching Town Land District 140, Metro-city's Commercial Precinct, Jalan Matang, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak.



DR AILA LATIF

ASPIRASI

PADA era digital ini, pendidikan tidak formal berubah mengikut acuan dunia globalisasi yang bergerak pantas dan dinamik.

Pembelajaran bukan sahaja perlu dititikberatkan semasa persekolahan dan pengajian tinggi, malah pembelajaran di luar institusi berkembang hari demi hari dengan cabaran alih-bahar yang tidak kurang tahap kesukarannya.

Dalam meniti kemajuan di persekitaran kita hari ini, pembelajaran tidak langsung boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian tertentu. Antaranya ialah pengetahuan semasa, perkembangan teknologi serta pengurusan dan pembangunan diri.

Dalam kategori pengetahuan semasa, kita perlu mengetahui dan membuka mata tentang pelbagai perkembangan yang berlaku dalam persekitaran masyarakat kita. Misalnya, ancaman penipuan secara talian dan jenis-jenis jenayah siber yang mungkin boleh membahayakan kita. Banyak taktik jenayah yang perlu kita ketahui dan sedari untuk memastikan keselamatan diri dan keluarga.

Pengetahuan yang sentiasa diperbaharui dengan keadaan semasa akan membuatkan kita lebih bersedia dan waspada pada sebarang kemungkinan. Pastinya, itu lebih baik sebagai persediaan diri secara peribadi dalam menjalani kehidupan di masa kini.

Dalam meningkatkan pengetahuan teknologi pula, kita harus sentiasa bersikap ingin tahu bagaimana proses sedia ada boleh ditambah baik dan mengamalkan keterbukaan pada inovasi terbaru.

Kedua-dua domain pengetahuan semasa dan teknologi ini pula perlu dipadankan dengan penambahbaikan pada diri, kerjaya dan keluarga agar berkembang mengikut wawasan dan kesesuaiannya sendiri. Jika ini tidak berlaku, dikuatiri perkembangan potensi dan kemajuan diri tidak diurus dengan baik, mengikut landasan masa yang tersendiri.

Dalam meningkatkan pengetahuan yang berguna dalam segmen kehidupan, kaedah yang paling utama adalah melalui pembacaan.

Memang ada segelintir pihak berpendapat, pengetahuan boleh dikembangkan melalui pengalaman sendiri atau cara-cara lain selain pembacaan.

Pastikan bahan bacaan bermutu

Namun secara logik, kita dapat mengetahui dengan mudah melalui pembacaan yang berguna dan bersesuaian. Masakan kita punya modal sumber, waktu dan tenaga untuk mencuba dan merasai sendiri setiap perkara baharu? Pastinya, membaca mengenainya lebih mudah dan menjimatkan.

Amalan budaya membaca dalam kalangan masyarakat akan mendatangkan pelbagai faedah terhadap diri kita. Rata-rata masyarakat kita hari ini mempunyai akses yang luas terhadap sumber pengetahuan secara digital.

Namun jika tidak bijak memilih, kita akan terjerat dengan bahan bacaan yang tidak membina kualiti diri yang meningkatkan tahap pengetahuan dan penguasaan ilmu semasa yang diperlukan.

Lama-kelamaan, kita hanyut dalam lambakan informasi yang kurang berfaedah selama berhari-hari, berminggu-minggu malah bertahun-tahun.

Secara luarannya kita berasakan bahawa kita sentiasa membaca setiap hari. Sedangkan secara realitinya, kita hanya menghabiskan masa dan sumber tenaga berlegar pada perkara yang sama tanpa sebarang manfaat kebaikan yang diperolehi.

Akhirnya, kita kekal di takuk lama tanpa sebarang penambahbaikan dan manfaat diri pada sekeliling. Itulah bahaya jika tersalah memilih bahan bacaan khususnya di laman digital yang mudah diakses pada bila-bila masa.

Selain daripada manfaat secara langsung yang dilihat melalui pengetahuan yang dipertingkat

dari pelbagai, bahan bacaan yang baik membawa nilai positif dan segi ketenterangan dan keapasan dalam jiwa pembacanya.

Secara psikologi, pembaca meneka dan menyelami peristiwa secara mendalam terhadap sesuatu subjek atau penceritaan yang diketikberatkan.

Jelas, budaya membaca banyak menyuntik faedah kepada kita secara individu mahupun secara kolektif. Melalui amalan membaca, kita akan dapat menambatkan ilmu pengetahuan kita yang menjadikan kita lebih cekik dengan anjakan paradigma yang seiring dengan perkembangan globalisasi dan revolusi dunia semasa.

Hari ini, bukan sahaja budaya membaca yang perlu ditekankan. Tetapi mutu dan kualiti pemilihan bacaan yang menjadi input pemikiran seseorang harus dititikberatkan.

Sekalipun kepentingan budaya membaca sering ditekankan sejak dahulu, perkembangan era digital hari ini dikuatiri boleh mengelirukan matlamat pembacaan sebenar masyarakat kita sehingga terjebak pada pembacaan yang kurang memberi nilai tambah yang diperlukan.

Akhir kata, lihatlah sesuatu amalan kebiasaan pada impaknya yang terbentuk pada jangka panjang. Jika pengetahuan yang diperolehi melalui pembacaan itu jelas memberi manfaat dan menambah kualiti diri, teruskanlah.

Namun sekiranya diteliti kembali tiada kebaikan yang jelas diperolehi melalui perkara yang diketahui, hentikanlah dan segera mencari

input pengetahuan lain yang memenuhi tuntutan pembelajaran tidak formal yang kita perlukan.

Isratiya, menuntut ilmu ringkas sampai ke bangkai. Itulah kita mengaplikasikannya dalam ruang lingkup kehidupan hari ini melalui pembacaan.

Walaupun kebanyakan pembacaan kita hari ini berada dalam ruang siber di platform digital, biarlah ia menepati keperluan ilmu semasa yang benar-benar diperlukan dan bermanfaat sebagai satu daripada cabang pembelajaran bukan formal.

SIDANG REDAKSI

Editor Eksekutif
ROHANA WAHED
rohanaw@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
AWANG ROSLI AWANG JAYA
rosli@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
RADIN SHAHERI AWANG ADEMI
ashaheri@suarasarawak.my

Editor Kanan Berita
RADIN AZHAR AHMAD
radinazhar@suarasarawak.my

Editor
DRAMAN BAHARON
draman@suarasarawak.my

Editor Ruai
ALVESTER BIGOL SULANG
alvesterbigol@suarasarawak.my

Subeditor Berita
CHRISTINA LIAN
christinalian@suarasarawak.my

Subeditor Inapirasi
MOHD HAZIQ AMALUDDIN
haziqamal92@suarasarawak.my

Subeditor Global
S. CONNIE PEARL SUII
pearl@suarasarawak.my

Subeditor Ruai
LINA KUNJAK
linakunjak@suarasarawak.my

Ketua Pemberita
NICK FLETCHER
fletcher19@suarasarawak.my

Ketua Grafik
NGUMBANG RANGGA
ngumbang86@gmail.com

Diterbitkan oleh
SV News Sdn. Bhd., Lot 2885 Block 3,
Miri Concession Land District,
98000 Miri, Sarawak.

Dicetak oleh
UBP Printing Sdn Bhd, Lot 2042,
Section 66, Pending
Industrial Estate, KTLD, Jalan Tenaga,
93100 Kuching, Sarawak.



BUKAN sahaja budaya membaca yang perlu ditekankan. Tetapi mutu dan kualiti pemilihan bacaan yang menjadi input pemikiran seseorang harus dititikberatkan. - Foto HIASAN